**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 9 Mar 2021 (Selasa)

**Berita Harian**
Ziarah kubur ibu sebelum maut nahas 1

**Utusan Malaysia**
Lokasi bom lama khazanah, tapak warisan 2
Ekzos bising: 1,400 saman dikeluarkan, 84 kenderaan disita 3
Pangsapuri Seri Perantau bakal bergelap 4

**Harian Metro**
Pusat kuarantin transit mencukupi 5

**Kosmo**
Selangor batal perjanjian air 6
10,000 penghuni bakal 'bergelap' 7

**Sinar Harian**
Sultan Selangor sempurnakan pemakaian pangkat kapten Tengku Amir 8
Selangor beri bantuan RM500 untuk pemilik rumah terjejas akibat ribut 9

**The Star**
PJ PARKS OPEN 10
S'gor arts and culture programme goes online 11

**China Press**
Hee Loy Sian: SJK(C) Bandar Sungai Long was awarded RM200,000 for setting up 8 new classrooms 12
Hee Loy Sian spent half a year persuading the hawkers to relocate to the new market to avoid the sun and rain. 13
Ng Sze Han presents vegetable box to women to congratulate Happy Women's Day 14

**Sin Chew Daily**
Resident participation is high, the environment is improved, Puchong Vision HDB flats are cleaner 15
APHM: 2 Private hospitals have vaccinated more than 800 health care workers, and more hospitals are expected to do so next week 16
It has been a long time since the campus reproduces the sound of reading, SJK (C) Jenjarom 98% attendance rate 17
Take preventive measures to welcome the school day,
Hee Loy Sian visited SJK(C) Bandar Sungai Long 18
Hee Loy Sian: After a few days of rain, the forest fire situation improved 19
Ean Yong Hian Wah Wome's Day Market Distributor,
Send out 1,000 aprons in half an hour 20
Sungai Pelek Selangor won two consecutive matches 21
MB: Even though pandemic is slowing down, Selangor hasn't cut back on factory screening 22
JAS: To investigate under Environmental Quality Act 1974, foreign oil tanker was seized for leaking oil pollution 23

**Nanyang Siang Pau**
MB : Covid-19 patient count rising; Selangor temporarily adds more quarantine centres 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**Oriental Daily**
Selangor government allocates an additional 5,000 subsidies for single mothers 25

**Guang Ming Daily**
2 private hospitals vaccinated more than 800 medical staff; APHM: It proved have the capability 26
MB: Vaccine allocation is completed, Selangor State Assemblyman will be vaccinated next week. 27
Ng Sze Han: Kinrara kitchen gives away meal boxes and medicines. 28

**Makkal Osai**
Indians must apply more for aid programmes of Selangor state government 29

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Ziarah kubur ibu sebelum maut nahas |
| Muka Surat | : | 21 |

# Ziarah kubur ibu sebelum maut nahas

## Kereta dinaiki suami isteri dilanggar van terbabas di laluan bertentangan

Oleh Faris Fuad,
Ekhwan Haque Fazlul Haque
dan Nurul Hidayah Bahaudi
bhnews@bh.com.my

**Semenyih:** Suzyla Ahmad Dahlan, 40, yang maut bersama suaminya, Remyzan Baharudin, 42, dalam nahas di Jalan Saujana Impian di Kajang petang kelmarin, terlebih dahulu menziarahi kubur ibunya di Jalan Kuching di ibu negara.

Kakaknya, Salina, 47, berkata arwah juga pernah meluahkan rasa rindu kepada ibu mereka dan selepas menziarahi kubur, pasangan suami isteri itu dan dua anak yang dibawa bersama singgah di rumahnya di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

"Arwah adik tidak menunjukkan perubahan, tetapi mahu bergegas pulang untuk membuat persediaan sesi persekolahan semalam (kelmarin)," katanya ketika ditemui di Bandar Rinching, dekat sini, semalam.

Dua anak pasangan itu, Raiha Syuhaida Remyzan, 13, kini dirawat di Hospital Kajang dan Ra'if Adam Lutfan, 7, dalam rawatan di Hospital Kuala Lumpur, susulan nahas kira-kira jam 4 petang itu.

Siasatan awal polis mendapati kemalangan berpunca apabila sebuah van dari arah Semenyih menghala Kuala Lumpur hilang kawalan lalu melanggar pembahagi jalan dan terbabas ke laluan bertentangan sebelum bertembung kereta berkenaan dinaiki keluarga berkenaan.

Salina berkata, Suzyla yang bertugas sebagai guru dan Remyzan yang juga pemandu di Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat sering berkunjung ke rumahnya sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melarang pergerakan rentas daerah.

"Dia ada maklumkan sudah lama tidak bertemu dan kami sempat makan tengah hari bersama sebelum mereka beredar. Saya kemudian menerima berita kemalangan itu," katanya menambah walaupun terkejut, mereka sekeluarga reda dengan pemergian Suzyla dan Remyzan.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Selangor, Superintendan Azman Shari'at dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan pasangan suami isteri berkenaan meninggal dunia di tempat kejadian, manakala kedua-dua anak mereka mengalami kecederaan di kepala.

"Hasil ujian saringan air kencing dan alkohol terhadap pemandu van terbabit didapati negatif," katanya dalam satu kenyataan semalam sambil meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu menghubungi Inspektor Salbiah Anis di talian 011-29052233 untuk membantu siasatan.



***Salina (kanan) bersama adiknya, Shalyza** di rumah arwah Suzyla yang maut dalam kemalangan di Kajang, semalam.*
(Foto Ekhwan Haque Fazlul Haque/BH)

Sementara itu, penduduk Impian Gemilang Saujana Impian, Zulkifli Mohd Yusoff, mendakwa sudah banyak nahas berlaku di laluan membabitkan kemalangan meragut nyawa pasangan suami isteri itu kelmarin.

Katanya, aduan mengenai selekoh tajam berdekatan Jalan Saujana Impian sudah dibuat sejak 2019 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), namun sehingga kini tiada tindakan susulan diambil, malah papan tanda amaran lokasi kemalangan yang dipasang juga didakwanya tidak memadai.

"Dalam dua tahun ini, kira-kira 20 kemalangan dilaporkan di jalan itu, terbaru pagi tadi (semalam) yang membabitkan kemalangan kecil dan malam tadi (kelmarin), ada kenderaan terbalik. Bila buat aduan kepada MPKj, diminta rujuk dengan JKR. Kami tidak kisah siapa perlu bertanggungjawab, yang penting isu ini diselesaikan secepat mungkin," katanya kepada *BH*, semalam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Lokasi bom lama khazanah, tapak warisan |
| Muka Surat | : | 12 |

# Lokasi bom lama khazanah, tapak warisan

**KUALA LUMPUR:** Lokasi dan penemuan bom-bom lama peninggalan zaman Perang Dunia Kedua perlu dipulihara sebagai simbol khazanah dan tapak warisan negara ini yang kaya dengan sejarah dan konflik peperangan.

Tanggungjawab berkenaan terletak kepada pihak berkuasa seperti Kementerian Pertahanan dan Muzium Polis Diraja Malaysia bagi memastikan apa sahaja penemuan tidak 'terabai' begitu sahaja.

Pengkaji sejarah merangkap anggota Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Batu Pahat, Johor, Azlan Mohd. Sharif sebaliknya berkata, ia perlu dijadikan sebagai sumber rujukan yang boleh memberi manfaat kepada penyelidik, pihak berkuasa atau masyarakat.

Malah, katanya, muzium di peringkat negeri seperti Yayasan Warisan Johor, Muzium dan



**AZLAN MOHD. SHARIF**

Galeri Melaka (Perzim), Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Muzium Shah Alam (Padat) juga boleh memainkan peranan dalam memastikan lokasi dan bom-bom lama berkenaan terus kekal dipulihara.

"Kita beruntung kerana negara ini kaya dengan sejarah peperangan pada masa silam. Justeru, setiap negeri yang mempunyai badan berkuasa sendiri boleh bekerjasama dengan pihak berkaitan untuk meneliti sama ada patut atau tidak mengkategorikan kawasan penemuan bom-bom lama sebagai kawasan yang perlu dijaga dan dipantau.

"Tidak boleh serahkan semua peranan dan tanggungjawab kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) sahaja. Lagipun, Akta Warisan Kebangsaan 2005 menerangkan peranan pegawai daerah apabila berlaku penemuan objek atau tapak warisan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Untuk rekod, beberapa siri penemuan bom lama berlaku di negara ini sejak beberapa tahun lalu. Terbaru, 18 Februari lalu, penduduk kampung di Kampung Melayu Ulu Tiram, Johor digemparkan dengan penemuan bom lama jenis Shell 85 milimeter yang dipercayai dilancarkan sewaktu Perang Dunia Kedua.

Sebutir bom lama jenis UXO seberat 25 kilogram (kg) dipercayai masih aktif turut ditemui penduduk di Kampung Mengkadang, Kolombong, Sabah pada 6 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Azlan berkata, penemuan bom bukan sesuatu yang disengajakan, jauh sekali terdapat unsur jenayah kerana ia sememangnya peninggalan zaman Perang Dunia Kedua.

Cuma, katanya, kehadiran bom-bom lama tersebut mengakibatkan timbul perasaan bimbang dalam kalangan masyarakat kerana boleh mengancam keselamatan terutamanya jika masih mengandungi bahan letupan aktif walaupun sudah berusia puluhan tahun.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Ekzos bising: 1,400 saman dikeluarkan, 84 kenderaan disita |
| Muka Surat | : | 32 |

# Ekzos bising: 1,400 saman dikeluarkan, 84 kenderaan disita

**PETALING JAYA:** Sebanyak 1,400 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam Op Khas Bunyi Bising bermula 1 Mac lalu hingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, sebanyak 79 saman dikeluarkan terhadap penunggang motosikal atas kesalahan ubah suai ekzos oleh Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur.

Ketua JSPT Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Zulkefly Yahya berkata, selain itu, sebanyak 40 saman dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan 90 saman dikeluarkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atas kesalahan sama.

Pihaknya menyita 84 kenderaan untuk pemeriksaan lanjut.

"Kenderaan itu akan diserah semula selepas tindakan menggantikan ekzos dilakukan.

"Daripada 2,495 operasi dijalankan, sebanyak 79 penunggang motosikal berusia antara 18 hingga 35 tahun ditahan," katanya di JSPT Kuala Lumpur dekat sini semalam.

Zulkefly berkata, kesemua yang ditahan dikesan melakukan pengubahsuaian kenderaan tanpa kebenaran dan ekzos bunyi bising melebihi paras ditetapkan.



**KAKITANGAN Jabatan Alam Sekitar memeriksa ekzos motosikal dalam operasi bersepadu di Tolm Batu 9, Cheras, Selangor semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Katanya, tindakan saman bagi ubah suai ekzos dilakukan mengikut Kaedah 103 dan 109 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 (LN 170/1959).

Katanya, siasatan turut dilakukan mengikut Seksyen 60 dan Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pada 22 Februari lalu, Pengarah JSPT Bukit Aman, Datuk Azisman Alias mendedahkan, pemilik kenderaan yang didapati membuat kesalahan ubah suai ekzos hingga mendatangkan bunyi bising akan berdepan hukuman penjara sehingga enam bulan selain denda RM2,000.

Beliau berkata, kesalahan itu termaktub di bawah Kaedah 103 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan Dan Penggunaan) 1959 (LN 170/1959).

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Pangsapuri Seri Perantau bakal bergelap |
| Muka Surat | : | 32 |

# Pangsapuri Seri Perantau bakal bergelap

**Oleh ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

**PELABUHAN KLANG:** Selepas isu berhubung Sijil Layak Menduduki (CF) dan hak milik strata, kini penduduk Pangsapuri Seri Perantau berdepan pula dengan risiko bekalan elektrik akan dipotong Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Risiko itu bakal dihadapi kira-kira 10,000 penghuni di 12 blok pangsapuri tersebut yang bakal bergelap selepas bil elektrik pukal mempunyai tunggakan RM4 juta.

Jurucakap penduduk Pangsapuri Seri Perantau, Shawal Sabtu berkata, bil elektrik tersebut tertunggak sejak tiga tahun lalu setelah Badan Pengurusan Bersama (JMB) sudah tidak lagi wujud secara rasmi di pangsapuri tersebut.

"Permasalahan bil elektrik ini berpunca daripada masalah melibatkan CF dan isu geran strata sehingga memberi kesan JMB atau syarikat pengurusan tidak dapat ditubuhkan sehingga bil elektrik melambung tinggi kerana tiada pihak yang mengutipnya secara sistematik.

"Contohnya, untuk Blok E sahaja bil elektrik adalah sebanyak RM479,000. Kami berharap pihak berkuasa dan lain-lain pihak berkepentingan untuk membantu kami merungkai masalah bil elektrik yang berada dalam perhatian pihak TNB untuk dipotong," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terdahulu, akhbar melaporkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku pemaju berjanji untuk menyelesaikan isu hakmilik strata dan CF yang dibangkitkan pemilik Pangsapuri Seri Perantau.

PKNS berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan penduduk untuk memastikan perkara tersebut dapat menemui jalan penyelesaian.

Mengulas lanjut mengenai lawatan pihak PKNS, Shawal berkata, penduduk sentiasa bekerjasama dengan anak syarikat kerajaan negeri itu untuk memastikan proses mendapatkan geran strata disegerakan.



**PENDUDUK Pangsapuri Seri Perantau dan kakitangan PKNS melihat pelan pembangunan semasa sesi lawatan Jabatan Urus Harta PKNS di pangsapuri tersebut di Pelabuhan Klang, Selangor semalam. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Pusat kuarantin transit mencukupi |
| Muka Surat | : | 9 |

# Pusat Kuarantin Transit mencukupi

**Shah Alam:** Kerajaan negeri tidak bercadang menambah Pusat Kuarantin Transit dalam waktu terdekat susulan penurunan dalam kes jangkitan harian Covid-19 di Selangor.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri sebelum ini merancang mewujudkan pusat berkenaan di empat daerah yang merekodkan kes harian tertinggi iaitu Petaling, Klang, Sepang dan Hulu Langat.

"Setakat ini pihaknya sudah membuka dua pusat kuarantin transit iaitu di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) yang menempatkan petugas kesihatan dan sebuah lagi di Hotel Pegasus, dekat sini dengan kerjasama syarikat Nestle Malaysia Bhd.

"Pada awalnya kita nak buka banyak (Pusat Kuarantin Transit) tapi disebabkan penurunan kes jangkitan harian kepada tiga angka (daripada empat angka), jadi tidak ada keperluan (buat masa ini) untuk buka pusat yang baharu," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Selangor dan Pra-Pelancaran Ekspo Hasil Suri Selangor (HASSEL) Hybrid 2021 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri Dr Siti Mariah Mahmud.

Sebelum ini, Selangor merancang mewujudkan Pusat Kuarantin Transit di empat daerah sebagai permulaan menangani penularan pandemik Covid-19 dalam komuniti.

Kemudahan itu akan bertindak sebagai sokongan kepada individu disahkan positif Covid-19 atau yang sedang menunggu keputusan ujian saringan, bagi menjalani kuarantin kendiri sementara dengan lebih selesa, sebelum dihantar untuk rawatan di hospital.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata, terbaharu sebuah lagi syarikat pembuatan sarung tangan lateks menyertai program *Preventing Outbreak at Ignition Site* (POIS) iaitu saringan di semua kilang dan tempat kerja yang berpotensi mencipta kluster serta perebakan wabak Covid-19.

"Mengenai POIS, kita kini sedang mendapatkan kerjasama daripada semua pihak (syarikat dan kilang) di negeri ini yang mana lebih banyak penyertaan diterima, lebih tepat data berhubung jumlah jangkitan Covid-19 dapat kita perolehi.

"Terbaharu, sebuah syarikat pembuatan sarung tangan lateks menyertai POIS dan sehingga kini kira-kira 800 kes positif dikesan di beberapa kilang milik syarikat itu," katanya.

Dalam pada itu, Selangor merekodkan 746 kes positif baharu kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan kes aktif di negeri ini sebanyak 2,017.

Petaling merekodkan kes baharu tertinggi iaitu 656, Hulu Langat (330), Klang (321), Kuala Langat (320), Sepang (102), Gombak (93), Hulu Selangor (91), Kuala Selangor (91) dan Sabak Bernam (6).

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Selangor batal perjanjian air |
| Muka Surat | : | 11 |

**FAKTA HARI INI**
*9 Mac 2015*

# Selangor batal perjanjian air

**KERAJAAN** Negeri Selangor membatalkan perjanjian penstrukturan industri bekalan air dengan Kerajaan Persekutuan pada 9 Mac 2015.

Perjanjian tersebut ditandatangani dengan Kerajaan Persekutuan pada September 2014.

Pembatalan perjanjian itu menyebabkan kira-kira 7.6 juta penduduk Lembah Klang berisiko mengalami krisis bekalan air yang dahsyat.

Keputusan itu juga bakal menjejaskan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2 bernilai RM8.65 bilion yang dijadual siap pada 2017 serta mampu membekalkan air mentah sebanyak 1.89 bilion liter sehari kepada penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | 10,000 penghuni bakal 'bergelap' |
| Muka Surat | : | 14 |

Tunggakan bil elektrik Pangsapuri Seri Perantau RM4j

# 10,000 penghuni bakal 'bergelap'

**Oleh ABDUL RAZAK IDRIS**

**KLANG** – Belum selesai isu pemilikan strata, pemasalahan terus timbul kepada 10,000 penghuni di Pangsapuri Seri Perantau di sini apabila bakal bergelap susulan berdepan tindakan pemotongan bekalan elektrik.

Pangsapuri yang mempunyai 12 unit blok itu mempunyai tunggakan bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM4 juta.

Menurut jurucakap penduduk pangsapuri itu, Shawal Sabtu, bil tersebut tertunggak sejak tiga tahun lalu selepas ketiadaan Badan Pengurusan Bersama (JMB) di kawasan perumahan itu.

Dakwanya, masalah itu susulan isu Sijil Layak Menduduk (CF) dan geran strata.

"Kedua-dua isu ini memberi kesan kepada penubuhan JMB atau syarikat pengurusan sehingga bil elektrik melambung tinggi kerana tiada pihak yang mengutip bayaran selenggara secara sistematik.

"Bagi Blok E sahaja, bil elektrik mencecah RM479,000 dan keseluruhan bagi 12 unit blok hampir RM4 juta.

"Justeru, kami berharap pihak berkaitan dapat membantu kami menyelesaikan masalah bil itu yang telah dalam perhatian pihak TNB untuk pemotongan bekalan elektrik," katanya kepada *Kosmo!* selepas sesi lawatan Jabatan Urus Harta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di pangsapuri itu, semalam.



SHAWAL (kanan) bersama penduduk dan kakitangan PKNS dalam sesi lawatan di Pangsapuri Seri Perantau, Klang semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan PKNS komited untuk menyelesaikan isu hak milik strata dan CF yang dibangkitkan pemilik Pangsapuri Seri Perantau.

Shawal memberitahu, pihak penduduk sentiasa bekerjasama dengan PKNS untuk memastikan proses mendapatkan geran strata disegerakan.

"Lawatan ini bagi meninjau masalah lain termasuk kumbahan, lampu jalan dan tangki air bagi tindakan pihak tersebut dan berharap segera mengatasi pemasalahan itu.

"Ini bagi melicinkan usaha untuk mengeluarkan hak milik strata menjelang tahun depan," katanya.

Sementara itu Pengurus Korporat PKNS, Faizal Dollah ketika dihubungi menjelaskan, kehadiran pihaknya di Pangsapuri Seri Perantau semalam untuk melakukan prosedur pemeriksaan biasa.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Sultan Selangor sempurnakan pemakaian pangkat kapten Tengku Amir |
| Muka Surat | : | 22 |

# Sultan Selangor sempurnakan pemakaian pangkat kapten Tengku Amir

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat ke Majlis Pemakaian Kenaikan Pangkat Leftenan kepada Kapten untuk Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah di Istana Alam Shah, Klang pada Isnin.

Menurut Istana Alam Shah dalam hantaran di Facebook Selangor Royal Office, majlis pemakaian pangkat berkuat kuasa 19 November tahun lalu itu sepatutnya berlangsung lebih awal, namun ditangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tengku Amir Shah telah menduduki dua sesi peperiksaan kenaikan pangkat pada Julai 2020 (bertulis) di Kem Terendak, Melaka dan pada bulan September 2020 (amali) di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan," menurut kenyataan itu.

Tengku Amir Shah menyandang pangkat leftenan sejak 15 April 2017 dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Platun Rintis Serang (Rinser) 17 RAMD (Para).

"Setelah memakai pangkat Kapten, baginda kekal di Batalion ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja RAMD (Para)," menurut kenyataan tersebut. - *Bernama*

FOTO: SELANGOR ROYAL OFFICE



**Sultan Sharafuddin (kiri) berkenan berangkat ke Majlis Pemakaian Kenaikan Pangkat Leftenan kepada Kapten untuk Tengku Amir Shah di Istana Alam Shah, Klang pada Isnin.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>9 March 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor beri bantuan RM500 untuk pemilik rumah terjejas akibat ribut |
| Muka Surat | : | 24 |

# Selangor beri bantuan RM500 untuk pemilik rumah terjejas akibat ribut

**SEPANG** - Seramai 120 mangsa ribut di dua mukim iaitu Labu dan Bandar Baru Salak Tinggi di sini yang terjejas akibat ribut pada Sabtu bakal menerima bantuan bencana secara 'one-off' sebanyak RM500.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya sedang menunggu laporan daripada Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Sepang, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sepang dan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) untuk membuat kiraan dan bantuan yang diperlukan.



Amirudin ditemui pemberita ketika meninjau unit rumah yang terjejas akibat ribut di apartmen Dahlia Court, Sepang pada Isnin.

Menurutnya, selain menerima bantuan bencana daripada kerajaan Selangor, pihaknya akan mempertimbangkan penambahbaikan lain jika perlu.

"Pemilik rumah yang terkesan akan diberikan bantuan bencana sebanyak RM500 secara 'one-off'.

"Di samping itu, kita akan melihat apa penambahbaikan dan bantuan yang boleh kita hulurkan. Kalau boleh saya harap mereka akan mendapat bantuan tersebut dalam masa seminggu," katanya ketika meninjau unit rumah yang terjejas akibat ribut itu di apartmen Dahlia Court di sini pada Isnin.

Amirudin berkata, pihak pengurusan apartmen juga memaklumkan akan menggunakan insurans untuk mendapatkan wang ganti rugi.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya proses pembayaran insurans mengambil masa yang lama, berkemungkinan kerajaan negeri akan mendahulukan wang tersebut sebelum mendapat wang insurans.

"Biar pihak majlis mengambil data kerosakan dan kita akan selaraskan sama ada agensi kerajaan atau kerajaan negeri yang akan mengambil inisiatif untuk membantu kurangkan beban pemilik rumah serta apartmen yang terjejas," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, berhubung kerosakan yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi di sini, pihaknya akan meminta bantuan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sepang untuk membantu dari segi kemudahan asas yang terjejas.

"Kerajaan negeri akan melihat apa yang boleh dibantu berkenaan taska dan kemudahan berhampiran dewan yang musnah akibat ribut," katanya.

Pada Sabtu, sebanyak 120 rumah di mukim Bandar Baru Salak Tinggi dan Labu termasuk Taman Seroja, Taman Dahlia, apartmen Seroja Hills, apartmen Dahlia Court, apartmen Taman Dahlia, Kampung Baru Salak, Kampung Salak Tengah dan Kampung Lembah Paya terjejas akibat hujan lebat serta angin kencang di sekitar Putrajaya.

Turut terjejas ialah empat sekolah dan sebuah tadika perpaduan di sekitar kawasan itu.

Dalam kejadian itu, beberapa kenderaan penduduk turut rosak akibat ditimpa sisa bumbung dan pokok tumbang.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**9 March 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | PJ PARKS OPEN |
| Muka Surat | : | 2 |

# PJ PARKS OPEN

All parks under Petaling Jaya City Council, including the Bukit Gasing Educational Forest and Urban Park 1 to 5 reopened to the public on March 6. However, exercise equipment and camping facilities at the parks off limits to visitors. Only those with a valid fishing pass by the MBPJ Landscape Department are allowed to fish at the parks.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**9 March 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | S'gor arts and culture programme goes online |
| Muka Surat | : | 6 |

# S'gor arts and culture programme goes online

THE Rentak Selangor programme went virtual this year, via digital recording and live stream on social media.

In addition to adhering to the guidelines and physical distancing measures set by the Health Ministry and National Security Council, the event was in line with the Selangor government's efforts to explore digitalisation initiatives to benefit the people.

